




Haji dan Umrah Golongan Mukhannath

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki



Dewasa ini, isu haji dan umrah yang melibatkan golongan transjantina mendapat perhatian dalam masyarakat. Tambahkan pula, baru-baru ini terdapat kes yang melibatkan seorang usahawan yang dikenali memaparkan imej bertudung di Tanah Suci walaupun dirinya jelas seorang lelaki. Secara tidak langsung, perkara sebegini telah menimbulkan ketidakselesaan daripada beberapa orang jemaah umrah yang melihat sendiri perkara tersebut. Pelbagai masalah boleh berlaku seperti berkongsi tandas, bilik penginapan dan kawasan solat dengan kaum wanita yang bukan mahram.

Selain itu juga, perbuatan tersebut dilihat kurang sesuai kerana mereka mencerooboh ruang yang dihaskan untuk wanita. Tambahkan pula, ketika seseorang berada di Tanah Suci yang merupakan tempat yang diberkati dan dimuliakan Allah SWT, mereka haruslah menjaga adab dan tatasusila selaku tetamu Allah.

Malah, penulis sendiri sebagai pembimbing ibadat haji dan umrah juga pernah berhadapan dengan isu sebegini terutamanya ketika pembentangan pada peringkat muzakarah haji dan pengalaman bersama sahabat mutawif yang lain. Terdapat juga dalam beberapa kes sebelum ini mak nyah menunaikan ibadat umrah, namun perkara tersebut tidak menimbulkan masalah kerana mereka berihram dan menunaikan solat bersama-sama jemaah lelaki.

Merujuk *Qamus Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*, lelaki yang menyerupai perempuan dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-mukhannath*, iaitu lelaki yang menyerupai wanita melalui cara berjalan, bercakap, kemanjaan dan kelembutannya. *Kamus Dewan Edisi Keempat* pula menjelaskan golongan ini merupakan laki-laki yang lebih bersifat perempuan yang dikenali sebagai pondan atau perempuan yang bersifat lelaki yang dikenali sebagai *pengkid*.

Secara umumnya, terdapat dua kategori *mukhannath* dalam syarak. Pertama, *mukhannath* yang bersifat semula jadi, iaitu lelaki yang berperwatakan wanita melalui cara percakapan, kelembutan anggota dan kecelaruan fizikal. Mereka tidak mempunyai nafsu terhadap wanita, serta tidak terlibat dengan perbuatan keji. Oleh itu, mereka tidak dianggap fasik dan tidak termasuk dalam lingkungan mereka yang dilaknat dalam hadis Rasulullah SAW.

Kategori kedua ialah mana-mana lelaki yang sengaja berperilaku dan bertindak sebagai perempuan dalam gerak-geri dan rupa diri (cara berpakaian, berhias dan perhiasan), menyerupai wanita pada rupa bentuk tubuhnya dan cara



bercakap. Perilaku tersebut dianggap sebagai perbuatan buruk, melakukan maksiat dan pelakunya dianggap berdosa, serta tergolong dalam golongan mereka yang dilaknat.

Oleh hal yang demikian, jantina *mukhannath* bagi kategori kedua ini merupakan lelaki. Penentuan ini didasarkan kepada kaedah fiqah yang mengekalkan hukum berdasarkan asal sesuatu. Syariat Islam sentiasa dibina atas kebiasaan umum. Oleh itu, mana-mana lelaki yang sengaja berperilaku sebagai perempuan dalam gerak-geri dan rupa diri, pada hakikat dan asalnya ialah lelaki. Oleh itu, hukum dikembalikan kepada asal lelaki.

Haram bagi seseorang *mukhannath* yang sengaja menukar jantina mereka tanpa sebab yang kukuh kerana perbuatan tersebut telah mengubah ciptaan Allah SWT. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) Kali ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membuat keputusan bahawa penukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan hukumnya haram dari segi syarak. Selain itu, seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun berjaya ditukarkan jantintanya melalui pembedahan.

Dalam konteks golongan ini ketika menjalani ibadat haji dan umrah, dua orang pakar rujuk ibadat haji, Dato' Haji Razali Shahabudin dan Dr. Anisah Ab Ghani dalam kajian mereka yang berjudul "Pelaksanaan Haji dan Umrah Bagi Golongan Khunsa dan *Mukhannath*" menyebutkan bahawa *mukhannath* sama ada yang semula jadi atau yang disengajakan pada hakikatnya ialah lelaki, maka hukum ibadat hajinya ialah hukum ibadat haji lelaki dalam semua perkara.

Sungguhpun begitu, sekiranya terdapat keperluan untuk menempatkan *mukhannath* semula jadi yang tiada syahwat terhadap perempuan di tempat yang sama dengan wanita, maka dibolehkan sekiranya terdapat beberapa keperluan. Hal ini berdasarkan kepada pendapat fuqaha yang memberikan keringanan kepada *mukhannath* kategori ini bergaul dengan wanita. Namun begitu, bagi mereka yang sengaja menjadi *mukhannath* sama ada telah menukar jantina atau tidak, tidak boleh sama sekali ditempatkan bersama-sama dengan wanita.

Isu ini juga turut mendapat perhatian beberapa orang ilmuwan dan para mufti di negara kita. Mufti negeri Perlis, Dato' Dr. Mohd Asri Zainul Abidin menyeru agar mereka yang terlibat didoakan supaya berubah ke arah yang lebih baik. Pintu taubat sentiasa

terbuka luas bagi hamba-Nya yang mendambakan syurga Allah SWT. Malah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri menjelaskan bahawa sekalipun mematuhi rukun, mereka yang terbabit dalam permasalahan ini (*mukhannath*) perlu membayar dam kerana melanggar wajib umrah. Malah, kes sebegini jelas bertepatan dengan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali ke-28 Musim Haji 1433H dalam kertas kerja bertajuk "Khunsa dan *Mukhannath* dalam Permasalahan Ibadat Haji".

Hasil keputusan muzakarah menyimpulkan bahawa bagi *mukhannath* semula jadi atau yang disengajakan, telah melakukan pembedahan menukar jantina atau tidak, dan kes menukar jantina dengan melakukan pembedahan bukan disebabkan keharusan syarak, maka hukum individu itu dalam ibadat haji dan umrah hendaklah mengikut hukum asal kejadian dirinya. Oleh hal yang demikian, mereka yang terlibat wajib secara syarak sebagaimana termaktub dalam al-Quran dan hadis, untuk beribadat serta berpakaian seperti lelaki.

Namun begitu, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr. Wan Salim Mohd Noor menyatakan sudut pandang yang berbeza terhadap permasalahan ini. Menurutnya, pelaksanaan ibadat umrah yang dikerjakan oleh seorang lelaki yang berkelakuan dan berpakaian seperti wanita adalah tidak sah dan merupakan satu perkara yang sia-sia. Golongan mak nyah tidak dihalang untuk mengerjakan umrah dan haji, namun mereka harus bertaubat terlebih dahulu dan berubah sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya seorang lelaki berkelakuan dan berpakaian seperti wanita ketika melakukan ibadat, dia dianggap mempermainkan agama. Pada masa yang sama, beliau turut mendoakan agar golongan tersebut mendapat hidayah di Tanah Suci dan bertaubat dengan semua kesalahan mereka selama ini, serta kembali kepada keadaan asal, iaitu menjadi lelaki tulen.

Kes sebegini juga sebenarnya memberikan implikasi yang negatif kepada Malaysia yang saban tahun cemerlang dalam rekod pengurusan ibadat haji dan umrah. Hal ini memberikan persepsi negatif kepada negara memandangkan imej Malaysia dihormati oleh dunia Islam dari aspek pengurusan haji dan umrah yang amat sistematik. Oleh itu, sebarang tindakan yang dilakukan oleh jemaah haji dan umrah, boleh memberikan impak terhadap hubungan baik dan kerjasama Malaysia dengan Arab Saudi. Oleh itu, pihak berwajib di Malaysia dan Arab Saudi mesti mengambil langkah-langkah tertentu terhadap isu ini agar Tanah Suci sebagai tempat ibadat utama umat Islam dijaga kemuliaannya. DTI